

Ruj. Kami : PMJB.600-1/5(14)
Tarikh : 12 November 2013

**SEMUA PELAJAR SENIOR
POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU**

Saudara/i,

MAKLUMAN LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR BAGI SESI DISEMBER 2013

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa maklumat laporan diri pelajar senior Politeknik METRO Johor Bahru bagi Sesi Disember 2013 ialah seperti berikut:

Maklumat Laporan Diri:

Tarikh : 29 November 2013
Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi
Tempat : Politeknik METRO Johor Bahru

Maklumat Bayaran:

Pembayaran	No. Akaun	Jumlah Bayaran
Yuran Pengajian	Politeknik KPT (No. Akaun : 16018010017541)	RM 200.00
Bayaran Jabatan (Semester 4 dan 5 sahaja)	Koperasi Politeknik Johor Bahru Berhad (No. Akaun : 01087010013017)	RM 50.00

3. Bermula sesi Disember 2013, Segala pembayaran yuran hanya boleh dilakukan melalui *internet banking*, *cash deposit* atau *ATM transfer* sahaja. Sila rujuk Lampiran A berkenaan kaedah pembayaran. Sila bawa bersama salinan slip peperiksaan dan slip bank pembayaran yuran semasa melapor diri di politeknik.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai kami, Pn. Fatimah Rahmat di talian 07-335 8851.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ROSLEE BIN YAHYA)
Pengarah
Politeknik METRO Johor Bahru

**A Kaedah Bayaran Yuran Pengajian
PERBANKAN INTERNET**

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "Bill Presentment" pada bahagian "Bill Payment".
5. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No. Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak didebitkan dan sahkan jumlah amaun yang hendak dibayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan.
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

B MESIN ATM BANK ISLAM

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No. Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil resit

C MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No. Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih **POLITEKNIK KPT**
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil resit